

Can divinded yield and P/E ratio predict equity premium? evidence from the Malaysian market

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20407275&lokasi=lokal>

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada hasil dividen dan nisbah harga-pendapatan mempunyai kuasa dignifikan yang jelas untuk meramalkan pulangan saham dari perspektif pasaran Malaysia. Analisis tambahan telah dijalankan untuk menentukan yang mana antara kedua-dua pembolehubah bebas tersebut mempunyai kesan yang lebih dalam untuk meramal stok pulangan yang diukur oleh ekuititi premium saham; iaitu pulangan ke atas pasaran saham tolak pulangan jangka pendek bil perbendaharaan bebas risiko. Kajian ini meliputi tempoh 1973-2005, yang terdiri daripada semua syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur, BSKL). Keputusan menunjukkan bahawa nisbah harga-pendapatan mempunyai kuasa ramalan yang lebih daripada hasil dividen. Untuk kajian keteguhan, tempoh sampel penuh telah dibahagikan kepada dua iaitu sub-sampel 1973-1988 dan 1989-2005. Keputusan kajian adalah konsisten dengan beberapa kesusteraan lain bahawa harga/pendapatan adalah lebih signifikan untuk meramal pulangan saham masa depan daripada hasil dividen walaupun kuasa penjelasan adalah sangat rendah. Hasil dividen adalah signifikan bagi kedua-dua sub-tempoh berbanding dengan tempoh sampel penuh. Ia menunjukkan bahawa keputusan yang mantap untuk hasil dividen.